

Orang yang Bertanggungjawab ialah Orang yang Menepati Janjinya

Berjanji, adalah suatu perkara yang selalu dicuainya oleh orang-orang kita. Pepatah Melayu ada mengatakan “hutang dibayar janji ditepati”. Menepati kepada sesuatu janji ialah perkara yang mustahak benar bagi perhubungan sesuatu kaum atau bangsa. Apakah ertinya janji itu?

Oleh Farid Wajdi

Janji ialah suatu ketetapan atau ketentuan yang kita sendiri lazimnya menetapkan atau menentukan ke atas diri kita, kita tidak terlepas daripadanya melainkan setelah kita menyempurnakan dan menepatinya.

Menyempurnakan janji itu ialah menyempurnakan semua yang kita telah janjikan baik yang berupa sesuatu ikatan (kontrak) atau pun lainnya yang dibuat dengan masanya dan menyempurnakan segala yang telah kita akui dan segala yang telah kita jamin dan kita tanggung sendiri.

Tuhan berfirman: “Wahai sekalian mereka yang beriman! Sempurnakanlah janji-janjiMu”- (*al-Mā'idah* ayat 1)

Di dalam tafsir *Rūh al-Ma'ānī*, al-'Ālūsī mengatakan janji itu ada tiga macam:

Pertama - Perjanjian di antara Allah dengan hamba-Nya

Kedua - Perjanjian di antara hamba dengan diri sendiri

Ketiga - Perjanjian di antara hamba dengan orang lain

Tiap-tiap satu bahagian daripada yang tiga ini berpasang pula. Dengan itu ia menjadi enam jenis.

Tiap-tiap satu di antara yang enam itu ada kalanya wajib dengan langsung (tepat) dan ada kalanya wajib kerana

diwajibkan manusia sendiri ke atas dirinya.

Yang wajib dengan langsung datangnya dengan sendirinya kerana kita mempunyai alat-alat untuk mengenal dan berfikir.

Maka dengan sendirinya kita wajib mengetahui adanya Tuhan, mengetahui sifat-sifat kesempurnaannya: Atau seperti puasa, zakat dan lainnya, semua yang wajib kerana diwajibkan Tuhan ke atasnya apabila tidak ada keuzuran di atas kewajipan-kewajipan yang tersebut.

Yang wajib dengan tidak langsung itu yakni yang wajib kerana diwajibkan oleh manusia atas dirinya sendiri ada empat macam.

1. Wajib memenuhi janji itu sahaja seperti orang bernazar yang mengatakan: kerana Allah jika saya sembuh (sihat), atas saya puasa satu hari.
2. Sunat menyempurnakannya, tetapi boleh ditinggalkan, seperti orang yang bersumpah meninggalkan sesuatu pekerjaan yang harus. Boleh ia membayar kifarahnya itu supaya boleh pula ia melakukan apa yang disumpahnya itu.
3. Baik jangan disempurnakannya janji itu, iaitu sabda Rasulullah (SAW) yang mengatakan

(maksudnya): Apabila salah seorang bersumpah atas sesuatu maka dilihatnya yang lain lebih baik lagi maka baiklah dikerjakan yang lebih baik iaitu serta membayar kifarah sumpahnya itu.”

4. Wajib meninggalkannya, umpamanya seorang bersumpah akan membunuh seseorang lain (Muslim).

Demikianlah empat perkara perjanjian-perjanjian yang dibuat dan perbezaannya. Tiap-tiap perjanjian yang telah dijanjikan hendaklah disempurnakan melainkan boleh ditinggalkan jika ia menjadi *qurbah* (ibadah) yang menghampirkan diri kepada Tuhan. Dengan ini zahir janji yang wajib disempurnakan itu terbatas dalam lingkungan yang baik pula: Jika tidak disempurnakan lebih baik - maka janganlah ia disempurnakan.

* * *

Menyempurnakan janji itu adalah salah satu daripada sendi hidup bermasyarakat. Agama Islam menuntut dengan sekeras-keras kepada sekalian pemeluk-pemeluknya supaya sentiasa menyempurnakan janjinya, mendorong mereka kepada menunaikan (menyempurnakan) segala apa yang telah lazim, baik berupa janji, berupa satu ikatan, berupa satu urusan yang harus ditepati dan dipenuhi jaminan dan tanggungannya.

Apabila kaum Muslimin mempunyai sifat menyempurnakan menepati janjinya maka kekeruhan dan perselisihan dalam pergaulan manusia akan kurang dan tumbuhlah di sana percaya mempercayai di antara satu dengan yang lain. Juga di dalamnya kuranglah tagih-menagih, tunggu-menunggu, tolak-menolak- hilanglah sifat dan perbuatan ingkar kepada hak.

Menyempurnakan janji adalah membawa kepada peraturan-peraturan hidup yang tersusun sedang menyalahi janji adalah menghancurkan peraturan dan undang-undang hidup serta merosakkan kemakmuran dan membinasakan umat.

Seseorang Muslim tidaklah hendaknya surut daripada menepati janji sekalipun ia terpaksa atau menerima kepayahan-kepayahan kerana menepatinya. Firman Allah (maksudnya): “Dan tunaikanlah olehmu akan janji, kerana janji itu akan ditanyai (diperiksa dengan cermat).”

Menurut pandangan Islam orang yang bertanggung jawab ialah orang yang menepati janji sekalipun ia menghadapi kesulitan-kesulitan dan bencana-bencana kerananya (yakni dalam perjanjian yang tidak melanggar hukum-hukum Tuhan). Perkara ini jelas dilihat dalam masa orang-orang Islam berpegang kuat kepada ajaran Islam.

Adapun dalam masa akhlak Islam telah lemah dan lesu maka yang dipandang orang yang bertanggungjawab ialah orang yang ahli mempermain-mainkan janji. Lihat sahaja dalam pilihan raya-pilihan raya yang bertabur-tabur janji dibuat untuk memikat hati orang ramai tetapi mereka akhirnya tidak berupaya langsung menyempurnakannya. Mereka membuat janji yang sudah terang tidak dapat disempurnakannya.

Menuturkan dengan lidah barang yang berlainan dengan suratan hati itu ialah perangai berani berdusta.

Orang-orang yang seperti ini adalah orang-orang yang munafik.

Sabda Rasulullah (S.A.W) - maksudnya: tanda-tanda munafik ada tiga: Apabila berkata-kata nescaya berdusta; apabila berjanji tidak menepati janjinya; dan apabila dipercayai nescaya khianat.”

Sabdanya lagi (maksudnya): Empat perkara barang

siapa yang ada padanya adalah ia munafik sejati - dan barangsiapa terdapat padanya satu perandai itu, terdapatlah padanya satu perandai daripada *nifāk* sehingga ia meninggalkannya (empat perkara itu): Apabila dipercayai nescaya ia berkhianat, apabila berkata-kata nescaya ia berdusta, apabila berjanji nescaya ia mengecoh (memutar belit), dan apabila bertengkar nescaya ia berbuat curang.”

Terang bagaimana Rasūlullah (S.A.W) menyatakan dengan tegas perkara-perkara yang mengenai janji itu dan berat benar di dalamnya.

Janganlah kita membuat sesuatu janji kalau kita telah berasa bahawa kita tidak akan dapat menyempurnakannya. Ia bukannya hanya akan menyusahkan orang bahkan ia menyusahkan diri kita sendiri apabila kita terasa tanggungjawabnya atas janji-janji yang kita buat.

‘Abd Allāh bin ‘Abī al-Hamas menceritakan: Pernah saya menjual satu barang kepada Nabi sebelum beliau menjadi Rasul. Pada ketika itu saya tidak dapat menyerahkan semua barang yang saya jual kepada beliau: Sebahagiannya masih tertinggal kepada saya. Saya meminta kepada beliau menunggu di tempat itu sementara saya mengambil barang itu. Sesudah saya pergi saya pun terlupa. Tiga hari kemudiannya baharulah saya teringat. Saya pun bersegera ke tempat Nabi menunggu saya itu. Ketika saya sampai di tempat itu saya dapati Nabi tidak berganjak dari tempat itu. Demi Nabi terpancang saya, beliau berkata: “Wahai pemuda engkau telah memayahkan aku.” Aku tetap menunggu kedatanganmu semenjak dari tiga hari.”

Abū al-‘Aswad berkata: “Apabila saya berjanji, bermaknalah saya telah berhutang. Saya wajib berusaha

membayar hutang saya itu. Tidak payah orang datang menagihnya dan tidak payah mencari-cari akan daku akan menagih hutangku. Aku sendiri berdaya upaya mendatangi orang itu bagi menyempurnakan (menunaikan) hutangku padanya - kerana itu maka saya berasa tidak mampu atau tidak sanggup akan menunaikan apa-apa yang saya janjikan, dengan terus terang saya berkata *lā-“tidak”*. Dengan demikian saya tidak memayahkan orang menanti-nanti atau menunggu-nunggu.”

Terang dan jelas bahawa dengan janji itu menjadikan seseorang melihat ke hadapan dan menunggu-nunggu oleh yang demikian fikiran habis-habis dan baik-baik sebelum berjanji. Sesuatu janji yang dibuat dengan seseorang menjadilah ia suatu janji dengan Allah sendiri kerana itu apabila orang yang ditipu itu tidak sanggup berbuat sesuatu - atas perandai kita menyalahi janji yang kita buat - Allah Yang Maha Kuasa membuat segala-gala apa-apa atasnya,

Tunaikanlah janji kalau sudah berjanji. Tunaikan dengan sebenar-benarnya bukan dengan akuan-akuan atau ucapan-ucapan lidah sahaja. Dengan menunaikan janji itu kita dipandang besar dan tinggi, dan demikian juga sebaliknya, kita akan dipandang rendah dan kecil kalau kita tidak menyempurnakan janji kita.

* * *

Pada suatu hari seorang Badwi dijatuhkan ke atasnya hukuman bunuh. Ia meminta kepada hakim mengizinkan kepadanya untuk balik barang setengah hari bagi mengucapkan kata-kata perpisahan kepada isterinya. Ia terjanji akan balik petang untuk menunaikan hukum yang dijatuhkan ke atasnya.

Hakim ketawa mendengar permohonan Badwi itu dan permohonan itu dibuatnya sebagai suatu permintaan yang tidak benar.

Pada masa itu tampil seorang Arab lain sambil berkata: “Saya jamin. Badwi ini akan tetap menepati janjinya, kalau tidak saya gantinya.”

Kemudian kerana pengakuan yang sangat bersungguh-sungguh maka Badwi yang akan dihukum bunuh itu pun dibenarkan balik ke rumahnya.

Kemudia kerana pengakuan yang sangat bersungguh-sungguh maka Badwi yang akan dihukum bunuh itu pun dibenarkan balik ke rumahnya.

Akan tetapi apabila matahari hampir terbenam, Badwi itu tidak juga balik lagi, dan mulailah orang-orang yang menunggu merasa syak. Dalam keadaan begitu tiba-tiba dari jauh terlihat oleh mereka seorang yang sedang lari deras dan termengah-mengah kerana kepayahan berlari itu.

Sejurus kemudian nyatalah bahawa yang berlari menuju mereka ialah Badwi tadi. Pada masa itu hakim berkata: “Saya tidak berani mengorbankan hidup seseorang lelaki yang tidak mahu mengorbankan orang lain untuk kelepasan dirinya.”

Demikianlah riwayat orang yang menunaikan janjinya. Tetapi hendak pula dimaklumi, yang disebutkan di atas tadi bahawa janji yang wajib ditepati ialah janji kebaikan yang tidak berlawanan dengan perintah Allah.

Amanah dan menepati janji, berbuat adil dalam pertengkaran adalah dipandang seutama-utama budi. Apabila sesuatu bangsa terkenal dengan sifat menepati janji, memelihara perjanjian yang dibuatnya maka tetaplah umat (bangsa) itu dicintai oleh seluruh dunia - mereka dipuji dan disanjung mereka. Kalau ada kesalahan-kesalahan yang kecil kepada mereka dimaafkan.

Apabila bangsa itu menghendaki sesuatu pertolongan maka bersegeralah orang memberi pertolongan kepadanya. Apabila bangsa itu ditimpa bencana sekalian orang berasa sedih.

Agama tidak membenarkan umatnya menyalahi janji sekalipun dalam perjanjian yang kecil. Sedangkan kalau seseorang berjanji memberi anaknya sendiri dengan sesuatu benda tidak ditunaikannya maka yang demikian dihukum menyalahi janji.

Tiap-tiap janji yang sekecil-kecilnya sekalipun kalau sudah dibuat umpamanya hendaklah ditepati sekalipun janji hendak berjalan-jalan sahaja. Membiasakan menyalahi janji yang kecil-kecil itu membawa kepada kebiasaan atas merosakkan janji-janji yang besar-besar yang beransur-ansur akan membawa hilang kehormatan orang kepadanya.

Akan tetapi agama Islam memaafkan jika ia menyalahi janjinya itu kerana terpaksa tak dapat menunaikan apa yang dijanjinya itu.

Sabda Nabi (S.A.W) - maksudnya: “Bukanlah menyalahi janji, kalau seorang berjanji hatinya tidak bermaksud tidak akan menepatinya.”- (Hadis riwayat Abū Ya‘lā).

Ringkasnya apabila bermaksud benar menepati janji itu, tetapi tak sanggup tidaklah dipandang menyalahi janji yang menjadi satu sifat *nifāq*.

Janji yang tidak benar-benar ditepati dari segala rupa janji ialah janji kebaikan: Janji yang tidak berlawanan dengan perintah Allah.

Adapun janji-janji yang membuat sesuatu kerosakan, mengerjakan suatu maksiat, sekalipun dibuat atas nama perjanjian, wajiblah dirosakkan tidak ditepati.